



KENYATAAN MEDIA

SUMBANGAN SWM KASIH BANTUAN PASCA BANJIR DITERIMA KELUARGA YANG TERKESAN TERUK

SEREMBAN, 17 MAC 2022 – SWM Environment Sdn Bhd (SWM Environment) telah turut serta bersama Pejabat Tanah dan Daerah Seremban melalui Pejabat Menteri Besar Negeri Sembilan dalam satu program penyerahan bantuan pasca banjir SWM Environment berupa barang elektrik kepada Ketua Isi Rumah (KIR) yang terkesan teruk akibat banjir yang berlaku pada bulan Disember lalu di Balairaya Taman Desa Rhu, Sikamat, hari ini.

Sumbangan SWM Kasih Bantuan Pasca Banjir ini telah disempurnakan oleh YAB Menteri Besar Negeri Sembilan Darul Khusus, Dato' Seri Haji Aminuddin Bin Harun kepada 14 Ketua Isi Rumah (KIR) dan disaksikan oleh Ketua Penolong Pegawai Daerah dan Tanah Seremban, Puan Nur Airina Binti Mazlan dan Pengurus Besar Korporat SWM Environment, Tuan Haji Mohd Norlisam Bin Haji Mohd Nordin.

“Pihak syarikat amat berbesar hati kerana dapat bersama-sama dengan pihak kerajaan negeri dalam membantu meringankan beban rakyat terutamanya yang terkesan akibat banjir tahun lalu. Selain membantu menggerakkan tenaga kerja dan jentera pembersihan, pihak syarikat turut bekerjasama dengan Pejabat Menteri Besar Negeri Sembilan dan Pejabat Daerah Dan Tanah dalam mengenalpasti mangsa banjir yang terjejas teruk agar mereka dapat menerima bantuan sewajarnya dengan segera,” kata Pengurus Besar Korporat SWM Environment, Tuan Haji Mohd Norlisam Bin Haji Mohd Nordin.

Tambahnya lagi, sejak awal bencana banjir dilaporkan, SWM Environment telah tampil melancarkan operasi pembersihan dan kutipan pasca banjir di beberapa kawasan yang terjejas di Negeri Sembilan. Pelbagai bentuk bantuan telah disalurkan sebagai usaha syarikat membantu mangsa-mangsa banjir dengan menggerakkan anggota barisan hadapan, jentera dan sumber bagi memulihkan keadaan dengan segera.

Terdahulu, SWM Environment telah menyerahkan sejumlah 1,250 barang keperluan elektrik asas seperti peti ais, periuk nasi serbaguna, kipas meja, pengisar makanan dan dapur gas dua tungku kepada Pejabat Menteri Besar Negeri Sembilan untuk diagihkan kepada keluarga yang terkesan teruk akibat banjir yang melanda pada Disember 2021 lalu. Pihak syarikat turut menyumbangkan 250 buah mesin air bertekanan tinggi (*water jet*) kepada pihak berkuasa tempatan dan agensi berkaitan bagi memudahkan operasi bantuan kepada orang ramai sekiranya berlaku bencana banjir pada masa akan datang.



SWM ENVIRONMENT

MENGENAI SWM ENVIRONMENT SDN. BHD.

SWM Environment Sdn. Bhd. (SWM Environment) adalah syarikat konsesi yang menyediakan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di negeri Johor, Melaka dan Negeri Sembilan sejak tahun 1995, melalui perjanjian konsesi yang dikawal di bawah Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam Negara (Akta 672).

Sebagai syarikat konsesi terbesar di Malaysia, SWM Environment, melalui tenaga kerja yang seramai 12,000 orang, berkhidmat kepada 27 pihak berkuasa tempatan, 1.5 juta premis kediaman dan komersial dengan lebih daripada 5.1 juta orang bagi liputan geografi 28,500 kilometer persegi. Untuk maklumat korporat yang lebih lanjut, sila layari laman web: www.swmenvironment.com.

Dalam usaha mengurangkan sisa janaan ke tapak pelupusan sampah, SWM Environment secara giat mempromosikan program-program alam sekitar yang berimpak tinggi seperti Pengasingan Sisa Pepejal Di Punca (SAS), kitar semula dan pengkomposan sisa makanan demi meningkatkan kesedaran awam di kalangan masyarakat umum.

MENGENAI KITARECYCLE

Pada 2018, SWM Environment telah memperkenalkan KITARecycle, program kitar semula bergenjaran di tiga negeri wilayah Selatan Semenanjung Malaysia iaitu Negeri Sembilan, Melaka dan Johor. Program KITARecycle bertujuan untuk menggalakkan orang ramai melaksanakan aktiviti kitar semula dan berpeluang mengumpul mata ganjaran (Recycling Point = RP) yang boleh ditebus kepada wang tunai melalui perbankan dalam talian. Program KITARecycle menerima lebih 25 jenis barang yang boleh dikitar semula seperti kertas, tin aluminium, plastik, sisa elektrik dan elektronik. Orang ramai boleh memuat turun aplikasi KITARecycle melalui Apple App Store dan Google Play Store. Sila layari laman web: www.kitarecycle.com untuk mendapatkan maklumat lanjut.

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Puan Nurul Liza Binti Mohd Najib

Penolong Pengurus

Jabatan Komunikasi Korporat & Hal Ehwal Kerajaan

SWM Environment Sdn. Bhd. (Pejabat Wilayah Negeri Sembilan)

Tel : 06 – 6014280/ 012 – 684 7168

E-mel : nurulliza.najib@swmsb.com